

16 JUL 1999

MCA-Ah Lek

FORMULA SATU LAWAN SATU PEMBANGKANG TAKKAN BERJAYA

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Formula satu lawan satu yang akan digunakan pakatan pembangkang tidak akan mendatangkan sebarang masalah kepada Barisan Nasional (BN) untuk memenangi majoriti dua per tiga pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata BN telah terbukti mampu memberi kemajuan dan pembangunan kepada rakyat manakala pakatan pembangkang hanya menabur janji kosong sahaja.

"Pembangkang cuma pandai memutar-belitkan sesuatu isu untuk mendapatkan undi sahaja. Hanya BN yang boleh membantu rakyat jelata untuk meningkatkan pendapatan," katanya pada persidangan media selepas merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda MCA ke-36 di sini hari ini.

Katanya, BN tidak akan berjanji sekiranya tidak dapat melakukan sesuatu untuk rakyat.

"Kita telah membuktikan kepada rakyat dan dunia bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara yang bersatu padu dan aman di bawah kepimpinan (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Dalam ucapannya, Lim menyeru masyarakat Cina supaya menyokong calon BN jika ingin melihat negara ini terus mencapai kemajuan.

Masyarakat Cina mesti menolak matlamat perjuangan kerjasama parti-parti pembangkang kerana ia boleh menghancurkan masa depan mereka, katanya.

"Saya menyeru masyarakat Cina menyokong calon-calon BN untuk memastikan matlamat pakatan pembangkang tidak dapat tercapai terutamanya yang boleh menjahanamkan masa depan kita," katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein yang turut hadir pada majlis itu berkata satu konvensyen Pemuda BN akan diadakan di Sabah hujung bulan depan bagi menyemarakkan lagi semangat Pemuda BN menghadapi pilihan raya akan datang.

Konvensyen selama tiga hari itu juga bagi mengiktiraf sumbangan Pemuda BN sehingga BN memperolehi kejayaan besar pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah yang lepas.

Beliau turut memuji dan kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh Pemuda MCA dalam usaha memperkuatkan lagi pemuda BN serta berharap semangat itu dapat diteruskan sampai bila-bila.

"Sesiapa sahaja yang akan menerajui kepimpinan Pemuda MCA kelak, saya rasa ia adalah untuk satu matlamat iaitu kemenangan parti induk BN dan calon-calon BN," katanya.

Seramai 1,425 orang atau 92.17 peratus daripada jumlah perwakilan akan mengundi bagi menentukan barisan kepimpinan Pemuda MCA yang baru bagi penggal 1999-2001.

-- BERNAMA

APG PR